

TARIKH	3 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	5	RUANGAN	Tempatan

## Bakal jemaah bersyukur dapat menunaikan haji



MOHD SHAFIKAHMAD

KUCHING, Selasa — Bakal jemaah haji yang terpilih menunaikan haji pada tahun ini melahirkan kesyukuran kerana berpeluang menunaikan rukun Islam kelima.

Ada kalangan bakal jemaah menitiskan air mata kerana terlalu gembira dapat menunaikan haji, lebih-lebih lagi bagi mereka yang menunaikan haji pada usia muda.

Hasil tinjauan Utusan Sarawak terhadap beberapa bakal jemaah haji yang akan bertolak ke Tanah Suci Mekah pada hari ini, mendapati keceriaan dan kesyukuran jelas kelihatan pada wajah mereka kerana berpeluang menunaikan ibadah haji tersebut.

Seorang pelajar di universiti tempatan, Awang Rozaimie Haji Awang Shuib, 34, menyatakan rasa syukur bercampur gembira kerana dapat menunaikan ibadah haji pada tahun ini.



AWANG ROZAIMIE

Menurutnya, ini merupakan kali pertama dia pergi setelah menunggu lebih tujuh tahun selepas mendaftar di Tabung Haji pada tahun 2004.

"Syukur Alhamdulillah, dapat juga saya pergi menunaikan haji pada tahun ini, sudah lama saya menanti saat ini kerana kalau diikutkan, saya akan berpeluang untuk menunaikan ibadah ini pada tahun 2035," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) di sini, hari ini.

Mengulas berkenaan per-



HAJAH HANAFIAH

sediaan bakal jemaah haji sebelum bertolak ke Tanah Suci Mekah, Rozaimie berkata, mereka turut didedahkan dengan beberapa kursus yang dianjurkan oleh Tabung Haji.

"Selain itu, mempelajari sedikit sebanyak mengenai cara-cara mengerjakan haji di samping berjumpa dengan ustaz untuk bertanya berkenaan dengan ibadah haji," ujarnya.

Manakala seorang lagi bakal jemaah haji yang menunaikan haji untuk kali kedua, Hajah Hanafiah Haji Ediwi,

62, bersyukur dan terharu kerana dapat dipilih dan diberi peluang kedua untuk menjadi tetamu Allah S.W.T.

"Ini merupakan kali kedua saya menunaikan ibadah haji seperti yang dituntut dalam rukun Islam kelima," katanya kepada pemberita sambil menambah kali pertama dia pergi mengerjakan ibadah haji ialah pada tahun 2005 bersama suaminya.

Menurutnya, pada kali ini berbeza sedikit kerana dia pergi menunaikan haji bersama anaknya yang pertama kali pergi ke Tanah Suci Mekah untuk bersama-sama mengerjakan ibadah tersebut.

Seramai 356 bakal jemaah haji daripada kumpulan kedua berlepas ke Tanah Suci Mekah dengan menaiki penerbangan KT56 pada hari ini dan dijangka tiba di Mekah pada jam 9.15 malam waktu Arab Saudi.

Jumlah keseluruhan para jemaah haji untuk negeri Sarawak pada tahun 2012 ialah sebanyak 706 orang dan mereka akan berada di Tanah Suci selama 51 hari dan dijangka kembali ke tanah air pada 22 November 2012.